

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kajian kesan gegaran gempa bumi perlu di bekas lombong Mamut - Ewon	Bernama.com
2	Hakisan dilereng Gunung Kinabalu dijangka jika hujan berterusan	Bernama.com
3	Gempa bumi lemah skala 4.0 skala richter berlaku di Ranau pagi ini	Bernama.com
4	Gempa bumi sederhana landa Halmahera di Indonesia	Bernama.com
5	Gegaran ketiga melanda Ranau	Sinar Harian
6	Palm oil prices ' set to rise'	The Star

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**



## **Kajian Kesan Gegaran Gempa Bumi Perlu Di Bekas Lombong Mamut - Ewon**

KUNDASANG, 18 Jun (Bernama) -- Satu kajian kesan gegaran gempa bumi perlu dilakukan di kawasan bekas lombong Mamut Ranau, **kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.**

Sehubungan itu, anggota Parlimen Ranau itu meminta agensi berkaitan khususnya Jabatan Mineral dan Geosains Sabah melakukan kajian tersebut.

Beliau berkata kajian ditumpukan jika terdapat rekahan pada dinding bekas lombong Mamut yang mempunyai kira-kira enam juta gelen air.

"Jika berlaku rekahan pada dinding lombong itu akan mengakibatkan bencana yang teruk kepada 20,000 penduduk dari 40 kampung yang tinggal di kawasan sekitar," katanya kepada pemberita selepas melawat tanah runtuhan di Kampung Masilau dan Pusat Pemindahan di Mini Dewan Kundasang, di sini hari ini.

Lombong tembaga Mamut kini berstatus tanah negeri setelah pajakan lombong seluas 1,942 hektar kepada Syarikat Mamut Copper Mine Sdn Bhd (MCM) tamat tempoh pada 15 Feb 2003.

Dalam perkembangan lain, Ewon berkata beliau akan mencadangkan kepada kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah loji rawatan air yang baharu di Ranau.

Ini kerana, katanya loji rawatan air sedia ada di Liwagu mendapat punca sumber air mentah tidak berkualiti dari sungai Masilau Kundasang.

Beliau berkata terdapat aktiviti pertanian penanaman sayur di kawasan tersebut dan penggunaan racun serangga mengalir ke sungai Masilau.

Ewon berkata kawasan cadangan pembinaan loji rawatan air itu terletak di sungai Mokodao iaitu 20 kilometer dari Pekan Ranau.

Katanya pembinaan loji rawatan air akan dapat mengatasi bekalan air terawat di Ranau sekiranya loji rawatan air sedia ada di Liwagu tidak dapat digunakan seperti yang berlaku pada masa sekarang, menyebabkan bekalan air terawat di daerah itu terputus.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**



## **Hakisan Di Lereng Gunung Kinabalu Dijangka Jika Hujan Berterusan**

KOTA KINABALU, 18 Jun (Bernama) -- Hujan diramalkan berterusan sepanjang Ramadan ini akan menyebabkan hakisan di lereng Gunung Kinabalu dan membawa batuan, tanah dan kayu mengalir ke lembah, lurah dan sungai, kata Ketua Bahagian Sumber Mineral, Jabatan Mineral dan Geosains Sabah Jontih Enggihon.

Beliau berkata hujan berterusan akan lebih memburukkan keadaan terutamanya di kawasan yang berhampiran sungai.

"Hakisan itu akan membentuk aliran lumpur yang membawa beribu tan tanah dan batu berat yang bergolek akan menghakis tebing dan dasar sungai seperti yang berlaku di Sungai Liwagu dan Mesilou," katanya kepada Bernama ketika dihubungi Khamis.

Jontih berkata penduduk di sepanjang sungai terdedah kepada bahaya akibat hakisan tebing kesan daripada hentakan kuat daripada serpihan yang dibawa oleh banjir lumpur.

Menurutnya, keadaan itu adalah fasa selepas gempa yang berlaku dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa sekiranya tindakan wajar tidak diambil.

Namun, beliau berkata Jawatankuasa Bencana Daerah bersama agensi-agensi berkaitan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan memindahkan penduduk ke kawasan yang lebih selamat bagi mengelak daripada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Semalam, Jabatan Meteorologi meramalkan Sabah akan mengalami kekerapan hujan sepanjang Ramadan ini yang akan menyebabkan tanah runtuh dan banjir kilat.

Suhu di Sabah sepanjang Ramadan juga diramalkan 31 hingga 33 darjah Celsius dengan kadar taburan hujan antara 200mm hingga 300mm.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**



## **Gempa Bumi Lemah 4.0 Skala Richter Berlaku Di Ranau Pagi Ini**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 4.0 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada pukul 5.58 pagi tadi.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi pada Khamis, gegaran hanya dirasai di kawasan Ranau.

Gegaran kali ini adalah yang ketiga melanda kawasan itu sejak semalam.

Semalam, dua gempa bumi lemah dicatatkan berlaku di Ranau iaitu yang pertama berukuran 2.5 pada skala Richter pada pukul 11.51 pagi, diikuti gegaran kedua berukuran 3.4 pada skala Richter pada 6.12 petang.

Pada 5 Jun lalu, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter melanda Sabah menyebabkan 18 orang terkorban dan memusnahkan harta benda.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**



**Gempa Bumi Sederhana Landa Halmahera Di Indonesia**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana melanda Halmahera, Indonesia pagi ini, demikian menurut Jabatan Meteorologi Malaysia.

Menurut kenyataan jabatan itu Khamis, gempa berukuran 5.3 pada skala Richter berlaku pada 9.45am pagi kira-kira 244km di timur laut Ternate, Indonesia dan 1,126km di tenggara Semporna.

Bagaimanapun, ia tidak membawa ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 19 JUN 2015 (JUMAAT)**

## Gegaran ketiga melanda Ranau

**KUALA LUMPUR** - Gempa bumi lemah berukuran 4.0 pada skala richter berlaku di Ranau, Sabah pada jam 5.58 pagi kelmarin.

Menurut kenyataan dikeluarkan Jabatan Meteorologi semalam, gegaran hanya dirasai

di kawasan Ranau.

Gegaran kali ini adalah yang ketiga melanda kawasan itu sejak kelmarin.

Kelmarin, dua gempa bumi lemah dicatatkan di Ranau iaitu yang pertama berukuran 2.5 pada skala richter pada jam

11.51 pagi, diikuti gegaran kedua berukuran 3.4 pada skala richter pada jam 6.12 petang.

5 Jun lalu, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala richter melanda Sabah menyebabkan 18 orang terkorban dan memusnahkan harta benda.

# Palm oil prices 'set to rise'

Expert says it depends on how strengthening El Nino develops


**KUALA LUMPUR:** The strengthening El Nino risks driving up palm oil prices as consumers seek supplies on concern output will be crimped by dry weather and producers hold back sales.

"Historically, we've seen that in weather markets consumers tend to go long," said Dorab Mistry (pic), a director at Godrej International Ltd, referring to El Nino and the Indian monsoon. "Producers become reserved sellers because they want to catch any upside. Prices tend to rise. How far they will go will depend on how weather problems develop." Mistry has traded cooking oils for more than three decades.

While El Ninos have varied in strength, they are known to cause drought in parts of Asia and more rain in the Americas. Australia says the first El Nino since 2010 shows signs reminiscent of the most severe event in 1997-1998. The US predicts it may last beyond January, while India expects it to curb the monsoon. The weather pattern may hurt crops and boost food inflation, according to Citigroup Inc.

Prices of the world's most used vegetable oil have climbed 6.4% since the start of May to RM2,236 a tonne in Kuala Lumpur yesterday. At the time of the 1997-1998 event, prices doubled in 12 months as output dropped 7% in Indonesia and fell 5.5% in Malaysia. The countries produce 86% of world supply.

"Trading of weather models more than a few weeks out is very problematic," said Michael Coleman, managing director of



RCMA Asset Management Pte, which runs the US\$250mil Merchant Commodity Fund. "If it does get very dry, then in a few months there'll be lower palm oil production, but I don't think I could trade a very big position on that basis."

Malaysian exports to India, the biggest buyer, almost quadrupled in May from a month earlier, Palm Oil Board data show. Shipments to China climbed 37%. Stockpiles at ports in India and in the pipeline were a record 2.25 million tonnes by June 1, the

Solvent Extractors Association said on June 12.

Indonesian sales to China rose 40% in the past three months from a year earlier, Palm Oil Association data show.

Mistry said it's not possible to have a strong view on prices because they depend on how El Nino and the Indian monsoon develop.

Whether India and China keep buying at the same pace for the next four months and how producers react to rising stockpiles if output remains buoyant will also determine direction, he said in an e-mailed reply to questions on June 15.

So far supply shows no signs of falling. Indonesian output probably increased for a fourth month in May, rising to the highest level since at least 2012, a Bloomberg survey shows.

Production in Malaysia has expanded every month since March.

States in Peninsular Malaysia will probably get average rainfall from June through November, the meteorological department said on June 5. Indonesia's forecaster predicts the impact of El Nino may start to be felt in September.

"It would have to be a very severe El Nino for palm oil to be able to move in a completely different trend from soybean oil and crude oil," Coleman said in an interview on June 16.

Crude in New York tumbled 43% in the past year amid a global glut, reducing the appeal of cooking oil as biofuel. Soybean oil in Chicago lost 18% in the past 12 months. — Bloomberg